



**JABATAN PERKHIDMATAN  
PERBANDARAN DAN KESIHATAN AM  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

**GARIS PANDUAN**

**PERMOHONAN PERMIT IKLAN SEMENTARA / JANGKA PENDEK KAIN  
RENTANG DAN GEGANTUNG**

**BAHAGIAN PELESENAN  
TINGKAT BAWAH  
BLOK A, BANGUNAN MDTM  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM  
PETI SURAT 59,  
35900 TANJONG MALIM  
PERAK  
TEL: 05 – 4563410/3420  
EMEL: [lesen.mdtm@gmail.com](mailto:lesen.mdtm@gmail.com)**

**LAMAN SESAWANG: [www.mdtm.com.my](http://www.mdtm.com.my)**

**TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN**

**14 JULAI 2022**

## **1. AGENSI MELESEN**

Bil	Agensi	Fungsi
1.	Majlis Daerah Tanjung Malim	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengeluarkan lesen perniagaan</li></ul>
2.	Pejabat Tanah & Daerah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kelulusan TOL (sekiranya berkaitan)</li></ul>

## **2. OBJEKTIF**

Iklan sementara, Kain rentang atau gegantung yang dipamer perlu dilesenkan oleh MDTM bagi memastikan iklan sementara, kain rentang atau gegantung yang dipamer mematuhi peraturan seperti yang diperuntukan dibawah Undang- undang Kecil IKlan (MDTM) 2015. Sekiranya seseorang bertindak memamer iklan sementara, kain rentang dan gegantung tanpa lesen dan melaksanakan perkara yang bertentangan dengan mana-mana peruntukan di bawah undang-undang kecil ini pihak MDTM boleh memberi tawaran kompaun sehingga RM 250.00, pelucutahkan deposit serta iklan sementara, kain rentang dan bunting boleh disita. Jika disabitkan boleh dikenakan denda sehingga dua ribu ringgit (RM 2000.00) atau penjara sehingga satu tahun atau kedua-duanya sekali.

## **3. SKOP PELESENAN**

3.1 Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara permohonan permit iklan sementara, kain rentang dan gegantung yang dipamerkan untuk jangka masa pendek di dalam kawasan Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM).

3.2 Definisi:

- i. Iklan ertinya apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, perdagangan, perniagaan, profesion, firma, pertubuhan, organisasi , institute, tempat, premis, acara, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain diatas apa-apa dinding adang, papan, papan iklan, sepanduk, dinding, pagar pancang, pagar, pokok tiang, kain, papan elektronik, atau apa-apa struktur di dalam atau mana-mana bangunan, jalan, tempat awam atau mana-mana tanah termasuklah tanda langit, belon dan sepanduk.
- ii. Iklan sementara ertinya apa-apa iklan yang dipamerkan bagi suatu tempoh jangka pendek dan hendaklah termasuk sepanduk, tanda, strima, panji-panji, iklanperayaan, iklan boleh kembung dan iklan promosi.
- iii. Kain rentang dan Gegantung ertinya jalur kain dan sebagainya yang digunakan untuk menghebahkan sesuatu kegiatan, produk dan lain-lain.

Contoh adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Permit	Definisi	Contoh
i.	Kain Rentang	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Kain yang direntangkan</li> <li>✓ Dipasang melintang di hadapan premis perniagaan / lain-lain lokasi yang dibenarkan bagi tujuan menyalurkan maklumat</li> </ul>	
ii.	Gegantung	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Jalur kain yang digantung di tempat awam dalam bagi menyiarakan sesuatu maklumat atau satu bentuk iklan.</li> </ul>	

#### **4. ASAS PERUNDANGAN**

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Undang-Undang Kecil Iklan (MDTM) 2015
- iii. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (MDTM )1983

#### **5. PENGECUALIAN**

Iklan yang dikecualikan daripada dikenakan permit adalah seperti yang diperuntukan dibawah peruntukan 12 (1) Undang-Undang Kecil Iklan (MDTM) 2015 seperti berikut:

- i. No jalan
- ii. Plat nama pada rumah yang menunjukkan nama /alamat penghuni
- iii. Iklan yang menunjukkan bahan berbahaya
- iv. Iklan arahan bagaimana keluar masuk /penunjuk arah
- v. Apa-apa notis rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis ,mahkamah, badan awam dalam menjalankan tugas rasmi
- vi. Bendera rasmi

#### **6. SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN**

##### **6.1 Syarat Am Permohonan**

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas sahaja yang layak dipertimbangkan.

##### **6.2 Syarat- syarat Tambahan**

Syarat -Syarat	Makluman
<p>1. Setiap iklan hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan sama ada dalam Bahasa Kebangsaan semata-mata atau <b>bersama-sama</b> dengan bahasa lain. Perkataan dan huruf-huruf dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah lebih besar dari bahasa-bahasa lain</p> <p>2. Jika nama sebuah firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965, Akta Perubahan 1966 atau Akta Koperasi 1993 tidak di dalam Bahasa Kebangsaan , perkataan itu tidak perlu diterjemahkan ke dalam Bahasa Kebangsaan.</p> <p>3. Pemasangan iklan sementara, kain rentang atau gegantung selain dari tempat</p>	<p>1.Lokasi Kerangka untuk menggantung kain rentang:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>i) Kerangka di Hadapan Balai Bomba Slim River</li><li>ii) Kerangka di Jalan Persekutuan 1(Hadapan Taman Anggerik Desa) , Tg.Malim</li><li>iii.) Kerangka di Hadapan Pasaraya TF Behrang 2020</li><li>iii) Kerangka di Behrang Stesen</li><li>iv) Kerangka di dalam Taman Pagola, Slim River</li></ol>

<p>yang disediakan oleh MDTM dan bukan premis pemohon, perlu mendapat kebenaran pemilik tapak atau pemilik premis</p> <p>4. Larangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. mempamer iklan yang boleh mendatangkan bahaya kepada trafik</li> <li>ii. mempamer iklan yang berada di dalam hak lalu lalang awam atau yang dipasang dimana-mana harta awam.</li> <li>iii. iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia</li> <li>iv.apa-apa iklan yang mengandungi perkataan, penerbitan, gambar, imej , animasi atau apa-apa benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut.</li> <li>v.apa-apa iklan lain yang difikirkan patut dilarag oleh MDTM daripada dipamerkan dalam kawasan MDTM dari masa kesemasa.</li> <li>vi. menghadang atau menurunkan iklan lain yang masih mempunyai tempoh permit.</li> </ul> <p>5. MDTM berhak menurunkan kain rentang atau gegantung sekiranya telah rosak, pudar, mencolok mata atau mencatatkan pemandangan persekitaran.</p> <p>6. Kelulusan hanya diberi sehingga tiga (3) bulan sahaja. Pembaharuan lesen iklan perlu dipohn seminggu sebelum tarikh tamat tempoh pemasangan beserta dokumen.</p> <p>7. Iklan sementara, kain rentang atau gegantung mestilah diturunkan oleh pemohon mengikut tarikh tamat tempoh kelulusan. Jika tidak diturunkan tindakan kompaun boleh dikenakan dan pelucutahan deposit.</p> <p>8. Majlis tidak akan bertanggungjawab atas pemasangan atau kehilangan kain rentang atau gegantung di kerangka iklan atau di mana-mana kawasan MDTM.</p> <p>9. Sebarang risiko kecederaan atau sebagainya semasa pemasangan dan penurunan iklan sementara, kain rentang atau gegantung ditanggung oleh pemohon sendiri.</p>	<p>2. Saiz kain rentang /gegantung yang dibenarkan utk dipamer di kerangka dan MDTM adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Kain rentang : 16 kaki panjang x 3 Kaki lebar</li> <li>ii) Gegantung : 6 kaki panjang x 2 kaki lebar</li> </ul> <p>3. Paparan di premis persendirian.</p> <p>4. Lain- lain lokasi yang diluluskan oleh MDTM dari masa ke semasa.</p>
---	---

## 7. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

### 7.1 Dokumen Asas Permohonan (wajib disediakan):


Bil	Dokumen	Bil Dokumen diperlukan	Contoh
1.	Borang Permohonan Lesen Perniagaan yang lengkap diisi.	1 salinan	
2.	Salinan Kad Pengenalan Pemohon	1 salinan	
3	Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	1 salinan	
4	Salinan berwarna bagi kelulusan Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP):  Pengesahan secara atas talian di pautan: <a href="https://dbpsahbahasa.my/">https://dbpsahbahasa.my/</a>	1 salinan	

## 8. KADEAH PERMOHONAN

Kaedah Permohonan	Capaian
Talian	Muat turun borang di <a href="https://www.mdtm.gov.my/ms/mdtm/sumber/muat-turun-borang/syarat-syarat-dan-panduan-perniaqaan">https://www.mdtm.gov.my/ms/mdtm/sumber/muat-turun-borang/syarat-syarat-dan-panduan-perniaqaan</a>
Manual	<p>Serah Borang Permohonan Perniagaan bersama dokumen sokongan di:</p> <p>Kaunter Bahagian Pelesenan Majlis Daerah Tanjung Malim Peti Surat 59, 35900 Tanjung Malim, Perak</p> <p>Waktu Operasi Kaunter:</p> <p><b>Isnin – Khamis</b> 8.00 pagi – 4.30 petang Rehat: 1.00 tghri - 2.00 tghri</p> <p><b>Jumaat</b> 8.00 pagi – 4.30 petang Rehat: 12.15 tghri – 2.45 tghri</p> <p>No. Tel : 05- 4563410/3420 Faks : 05- 4563430/3440</p> <p><b>EMEL :</b> <a href="mailto:mdtmalim@mdtm.gov.my">mdtmalim@mdtm.gov.my</a></p> <p><b>LAMAN SESAWANG:</b> <a href="http://www.mdtm.com.my">www.mdtm.com.my</a></p>

## 9. CARTA ALIR

### 9.1 Carta Alir Proses Permohonan Permit Kain Rentang dan Gegantung



## **10. KEPERLUAN PEMATUHAN**

- i. Permit hendaklah dipamerkan dengan melekatkan pelekat (*Stiker*) yang sah oleh Majlis Daerah Tanjung Malim.
- ii. Majlis Daerah Tanjung Malim berhak menurunkan kain rentang & gegantung akibat telah buruk serta lokasi yang bertentangan dengan kelulusan permit dan kain rentang & gegantung apabila tamat tempoh pemasangan.
- iii. Tidak dibenarkan untuk memasang kain rentang & gegantung berhampiran tiang pertama bersebelahan di mana-mana lokasi lampu isyarat .

## **11. KAEADAH PEMBAHARUAN PERMIT**

Pembaharuan Lesen	Tempoh bayaran	Dokumen & Fi
Pembaharuan permit boleh dibuat dengan datang terus ke Kaunter Bahagian Pelesenan MDTM .	7 hari sebelum tamat tempoh kelulusan terdahulu	<ul style="list-style-type: none"><li>i. Mengemukakan salinan permit terdahulu.</li><li>ii. Fi proses permit</li><li>iii. Fi permit mengikut jumlah unit dan tempoh pemasangan</li></ul>

## **12. PIAGAM PELANGGAN KELULUSAN PEMOHONAN**

Piagam Pelanggan	Tempoh
Tempoh kelulusan permit kain rentang dan gegantung	Satu (1) Hari (Dokumen Yang Lengkap)
Tempoh Permit	Maksimum 90 hari

### **13. FI LESEN**

Bil	Perkara	Kadar (RM)		Kaedah Bayaran
		Kain Rentang	Gegantung	
1	Deposit	50% daripada jumlah bayaran. bayaran deposit	50% daripada jumlah bayaran. bayaran deposit	Tunai / cek / kad kredit
2	Fi Permit & pelekat	RM 50/sebulan/1 unit	RM 15/sebulan/1 unit	

### **14. PEMAKLUMAN KELULUSAN PERMIT**

<b>Kaedah Penyampaian Keputusan Kepada Pemohon</b>	Pemakluman di kaunter dalam tempoh 1 hari bekerja (serta merta).
--	--

### **15. PEMBATALAN**

Permit iklan sementara, kainrentang/ gegantung akan terbatal selepas tamat tempoh masa yang telah dibayar.

### **16. BORANG PERMOHONAN**